



KENYATAAN MEDIA

PELANJUTAN OPERASI PULIH DAN PENGUMUMAN RANGKA KERJA PELAN PEMULIHAN KEBANGSAAN COVID-19

Bandar Seri Begawan, Isnin, 25 Oktober 2021

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan bahawa langkah-langkah pengawalan "Operasi Pulih" adalah dengan ini **dilanjutkan selama 14 hari lagi iaitu dari hari Isnin, 01hb., November, 2021 sehingga hari Ahad 14hb., November, 2021**. Pelanjutan "Operasi Pulih" ini adalah sebagai langkah bagi mempersiapkan Negara Brunei Darussalam ke arah proses pemulihan untuk menghadapi norma baharu dalam kehidupan seharian, dengan mengawal keadaan penyakit COVID-19 dan pada masa yang sama memberikan masa untuk meningkatkan liputan vaksinasi penduduk negara ke arah mencapai sasaran yang dihasratkan.

Pelaksanaan Operasi Pulih yang sudah berjalan selama tiga (3) minggu, alhamdulillah, telah mula membuahkan hasil yang positif sejak minggu lepas, yang mana statistik Kementerian Kesihatan telah menunjukkan bahawa kadar nilai-nilai sukatan *epidemiology* berada di tahap yang stabil. Ini termasuk data kadar jangkitan seperti *Effective Reproductive Number (Rt)* yang menurun serta *doubling time* yang semakin panjang. Walaupun kadar jangkitan harian masih menunjukkan jumlah kes yang tinggi, namun jumlah pesakit-pesakit yang kritikal, iaitu dalam Kategori 4 dan 5, adalah stabil dan tidak menunjukkan peningkatan. "Operasi Pulih" juga telah membuka peluang bagi pihak Kerajaan untuk mengenalpasti *trend* dan *pattern* jangkitan yang sebenar serta mengenalpasti perkara-perkara yang memerlukan perhatian lanjut. Di samping itu, alhamdulillah, Program Vaksinasi Kebangsaan juga telah menunjukkan keberkesannya dan kita berada di landasan yang tepat ke arah mencapai sasaran 80 peratus menjelang penghujung tahun 2021. Pelanjutan "Operasi Pulih" ini juga akan memberikan pihak Kerajaan ruang dan masa untuk mempercepatkan lagi usaha pemberian vaksin kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya program vaksinasi yang akan dilaratkan kepada individu berumur dalam lingkungan umur 12 – 17 tahun, dan pada masa yang sama untuk meningkatkan lagi usaha dalam menangani isu-isu berkaitan risiko jangkitan COVID-19 ini.



Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebanyak dua pertiga (2/3) daripada kes-kes jangkitan yang dikesan semasa tempoh “Operasi Pulih” ini dijalankan adalah berpunca daripada kluster-kluster tempat kerja dan tempat tinggal pekerja, khususnya pekerja asing. Dalam hal ini, satu jawatankuasa khas, sedang menunduki keperluan dan kesejahteraan pekerja-pekerja berkenaan demi mengawal risiko jangkitan dalam kluster-kluster berkenaan.

Insyallah, dalam sedikit masa saja lagi Negara Brunei Darussalam akan dapat membuat peralihan ke arah pemulihan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang terjejas akibat pandemik COVID-19, dengan itu sukacita memaklumkan mengenai pelaksanaan **satu rangka kerja komprehensif yang memuatkan strategi-strategi kebangsaan dan merangkumi *exit strategy* yang berkesan, iaitu Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 (*National COVID-19 Recovery Plan*)**, yang dihasratkan untuk membawa negara ini keluar daripada keadaan pandemik kepada **endemik**. Rangka kerja ini meliputi Fasa Persiapan (*Preparation Phase*), Fasa Peralihan (*Transition Phase*) dan Fasa Endemik (*Endemic Phase*).

Pada masa ini, kita sedang berada dalam Fasa Persiapan sepertimana langkah-langkah kawalan pergerakan dan pelaksanaan “Operasi Pulih” dan juga usaha-usaha mempercepatkan liputan vaksinasi. Fasa seterusnya, iaitu Fasa Peralihan akan melibatkan bermulanya pengurangan langkah-langkah pengawalan secara berperingkat dengan SOP-SOP tertentu – iaitu seperti pembukaan masjid-masjid, pejabat-pejabat, premis-premis perniagaan dan persekolahan mengikut had kapasiti dan garis panduan yang disesuaikan (*adjusted*). Fasa ini hanya akan dapat mula dilaksanakan setelah **liputan program vaksinasi kebangsaan mencapai sekurang-kurangnya 70 peratus dari jumlah penduduk negara ini yang melengkapkan dua dos, yang dijangka akan dicapai pada penghujung bulan November 2021**.

Matlamat rangka kerja ini adalah sebagai peralihan yang selamat ke arah pemulihan penuh ke fasa endemik, yang merupakan tunggak perubahan bagi membolehkan negara ini untuk terus pulih dan keluar daripada situasi pandemik ini, dengan harapan gangguan minimal kepada aktiviti harian masyarakat, sepertimana yang telah negara ini hadapi sebelum ini dengan penyakit-penyakit endemik yang lain seperti H1N1. Fasa endemik yang dihasratkan adalah keadaan kesihatan awam yang stabil, yang mana pusat-pusat penjagaan kesihatan mempunyai kapasiti untuk mengawal kes-kes jangkitan dan keterukan (*criticality*) pesakit terurus, dan pemulihan ekonomi yang resilien.



Ke arah itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan sentiasa memantau, mengkaji dan menilai pelaksanaan dan keberkesanan rangka kerja ini melalui strategi-strategi yang ditetapkan dari semasa ke semasa, dan ini adalah termasuk juga pelaksanaan Operasi Pulih sebagai instrumen pemulihan negara ini. Penglibatan secara Pendekatan Senegara (*Whole of Nation Approach*) yang bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, badan-badan bukan kerajaan, pihak-pihak berkepentingan termasuk sukarelawan dan orang awam dalam melaksanakan rangka kerja tersebut ini juga adalah semata-mata untuk keselamatan, kesejahteraan dan keamanan Negara Brunei Darussalam dan sekaligus memulihkan ekonomi negara yang telah terjejas disebabkan pandemik termasuk mengembalikan kehidupan kita seperti sebelumnya. Sebagaimana yang sering diperkatakan oleh pakar-pakar kesihatan awam, virus ini tidak akan hilang dan akan terus bersama kita. Walau bagaimanapun, insyaAllah melalui perancangan yang teratur sepertimana pelaksanaan fasa-fasa di bawah Pelan Pemulihan Kebangsaan dan juga kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat, kita akan dapat sama-sama menyesuaikan diri akan norma baharu dengan belajar hidup dengan virus ini pasca pandemik COVID-19 nanti.

Sejak pelaksanaan “Operasi Pulih” ini, kita telah banyak menghadapi pelbagai perkara dan cabaran. Oleh itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak amnya dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam khasnya di atas kesabaran dan kerjasama mereka dalam terus mematuhi garis panduan kesihatan dan sekatan-sekatan yang telah ditetapkan dalam sama-sama mengawal wabak COVID-19 di negara ini. Oleh itu, marilah kita sama-sama menadahkan tangan ke hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta’ala supaya meringankan beban negara kita ini dalam menghadapi penyakit wabak COVID-19 dan kita senegara senantiasanya dilimpahkan rahmat dan kesejahteraan.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

18 Rabiulawal 1443
25 Oktober 2021



MEDIA STATEMENT

EXTENSION OF OPERASI PULIH AND ANNOUNCEMENT OF THE NATIONAL COVID-19 RECOVERY PLAN FRAMEWORK

Bandar Seri Begawan, Monday, 25th October 2021

By consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Prime Minister's Office wishes to inform the public that "Operasi Pulih" control measures are hereby **extended by another 14 days, from Monday, 1st November 2021 till Sunday, 14th November 2021**. This extension of "Operasi Pulih" is a step to prepare Brunei Darussalam towards its recovery process in facing the new norms of daily life, by controlling the COVID-19 disease and at the same time to enable the increase of the vaccination coverage of the country's population towards achieving the desired target.

Operasi Pulih, which has been carried out for three (3) weeks, alhamdulillah, has shown positive and significant results since last week, wherein findings from the Ministry of Health have shown that the epidemiological measurement value rate is at a stable level, with a decreasing Effective Reproductive Number (Rt) and longer doubling time. While the daily rates of infection numbers are still high, the number of critical patients, that is, those in Categories 4 and 5, is stable and did not show any increase. The operation has also opened the opportunity for the Government to identify trends and real patterns of infection that require further attention. Aside from that, alhamdulillah, the National Vaccination Programme has also shown its effectiveness and we are still on course towards achieving the target of 80 per cent by the end of 2021. The extension of Operasi Pulih will also give time and space for the Government to speed up the administering of vaccines to citizens and residents, especially the extension of the vaccination programme to individuals aged from 12 to 17 years old, whilst at the same time further intensifying efforts in dealing with issues related to the risk of COVID-19 infections.

As previously announced by the Yang Berhormat Minister of Health, two thirds of cases of COVID-19 infection detected throughout the duration of Operasi Pulih had originated from clusters associated with workplaces and workers' living quarters, in particular those of foreign workers. On this matter, a special committee is currently looking into the needs and well-being of the workers so as to minimise the risk of infection within those clusters.



With Allah's blessing, Brunei Darussalam will soon shift its attention to economic recovery and the well-being of citizens and residents who have been affected by the COVID-19 pandemic. This leads up to the announcement regarding the implementation of **a comprehensive framework that incorporates national strategies and includes an effective "exit strategy", that is, the National COVID-19 Recovery Plan Framework**, which is hoped to bring the country out of the pandemic state and into the endemic state. This framework includes the Preparation Phase, Transition Phase and Endemic Phase.

Currently, we are in the Preparatory Phase which includes movement control measures and the implementation of "Operasi Pulih" as well as efforts to accelerate vaccination coverage. The next phase, the Transition Phase will begin to scale down the control measures in phases with specific SOPs - such as the reopening of mosques, workplaces, commercial establishments and schools in accordance with adjusted capacity limits and guidelines. This phase will only be carried out after the **national vaccination programme coverage reaches at least 70 per cent, which is expected to occur at the end of November 2021.**

The objective of this framework is to facilitate a safe transition towards full recovery and into an endemic phase, which constitutes a fulcrum of change that would enable the country to continue to recover and exit from the pandemic state, with the hope of minimising disruptions to everyday life in ways similar to how the country had dealt with other endemics in the past such as H1N1. The endemic phase would constitute a stable environment in which healthcare centres have the capacity to control the cases of infection, with orderly management of the criticality of patients, and resilient economic recovery.

To that end, the Steering Committee for COVID-19 will continue to monitor, examine and assess the implementation and effectiveness of this framework through the strategies that are set from time to time, and this includes the implementation of Operasi Pulih as the country's instrument of recovery. The Whole of Nation approach – with the combined involvement of government agencies and private sector organisations, non-government organisations, stakeholders including volunteers and the general public – in actualising the framework, is meant solely to ensure the safety, well-being and stability of Brunei Darussalam, thus enabling the recovery of a national economy that had been disrupted by the pandemic, which would entail the restoration of daily lives to previous times. More important would be our ability to adapt to the new normal by learning to live with COVID-19, post-pandemic. As public health experts often say, this virus will not go away and will continue to be with us. However, With Allah's blessing, through orderly planning such as the implementation of the phases under the National Recovery Plan and



also cooperation from all communities, we will be able to adapt to the new norms by learning to live with this virus after post-COVID-19 pandemic.

Since the start of “Operasi Pulih”, several learnings have been obtained, and challenges faced. In that regard, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam wishes to once again express appreciation to all parties in general and the citizens and residents of Brunei Darussalam in particular, for their patience in continuing to adhere to the health guidelines and restrictions that had been established, in together curbing the spread of the COVID-19 pandemic in the country. Let us together pray that Allah Subhanahu Wa Ta’ala could lessen the burden on the country as it deals with the COVID-19 pandemic, and for us as a nation to continue to be blessed with good outcomes and general well-being.

PRIME MINISTER’S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

18th Rabiulawal 1443
25th October 2021